

Institut Inovasi Strategik Johor hab ilmuwan

Warga universiti melalui IISJ
mampu jayakan iltizam Khaled



Saya kagum dengan pandangan jauh dan pemikiran mendahului zaman Menteri Besar Johor, Datuk Seri Khaled Nordin apabila mencadangkan UTM menerajui kekuatan institusi pengajian tinggi (IPT) di Johor menggembelng tenaga membangun hab inovasi canggih di Iskandar. Beliau bayangkan suatu hari nanti, UTM boleh menjadi seakan Stanford University yang berjaya melahirkan Stanford Industrial Park bagi menyokong pembangunan Lembah Silicon di San Francisco sebagai mercu kebanggaan inovasi global.

Dua perkara asas dibangkitkan Khaled dalam ucapan perasmian penubuhan Institut Inovasi Strategik Johor (IISJ) pada 21 Mac lalu di UTM Johor Bahru. Pertama, beliau menyatakan secara jelas dan dengan iltizam tinggi bahawa ahli akademik (ilmuwan) di IPT adalah aset intelek unggul untuk membangun Johor yang lestari. Perakuan yang jarang didengar daripada pemimpin politik sebuah negeri. Beliau mencabar ahli akademik, jika ilmu di dada gagal dimanfaatkan untuk pembangunan bangsa dan negara, maka ia adalah suatu tragedi kepada peradaban.

Cabaran pembangunan negeri

Kedua, beliau percaya membangun negeri dan mengangkat kesejahteraan warga Johor adalah tanggungjawab mencabar dan tidak mungkin dapat disem-

urnakan tanpa sokongan dan kebitaraan ilmuwan di IPT. Dasar dan iltizam politik tidak cukup untuk menjayakan program pembangunan, jika pemikiran, pengetahuan dan inovasi dimiliki ilmuwan tidak digembelng. Saya mengingatkan beliau, bakat ilmuwan tidak sahaja di Johor, malah ramai di IPT seluruh negara.

Meraikan inovasi untuk pembangunan negeri ada pelbagai cabaran. Cabaran ini bukan sahaja daripada faktor dalaman seperti tahap kemajuan dan budaya berinovasi di sekitaran IPT, tetapi berkait rapat dengan cirian dan amalan dalam sistem industri, masyarakat dan kerajaan. Jika industri masih taksud dan selesa dengan teknologi luaran dan jentera kerajaan dibelenggu dengan kerenah birokrasi, tiada yang dapat diinovasikan oleh minda pintar dari IPT.

Budaya IPT peringkat kebangsaan masih mengamal dan menjalankan fungsi tradisi, iaitu penyelidikan, pendidikan dan perkhidmatan akademik. Penyelidikan untuk meneroka ilmu dan berkongsi sesama ilmuwan menjadi amalan keserjanaan dan kewibawaan akademik. Pendidikan untuk menghasilkan graduan, pelapis kepemimpinan dan bakat mahir tidak mungkin boleh dipinggirkan untuk kelestarian pembangunan negara. Dalam perkhidmatan akade-

mik, ilmuwan selesa dan bersedia memberi sumbangan bermakna kepada pihak berkepentingan.

Untuk menyahut cabaran murni Menteri Besar Johor, saya berpendapat IISJ perlu mencetus paradigma baharu berinovasi sejajar dengan falsafah dan fungsi IPT sedia ada, iaitu penjana, penyebar dan pemimpin ilmu. Saya pernah syorkan konsep inovasi yang sesuai diamalkan oleh IPT tempatan jika mahu menyahut tuntutan semasa iaitu dengan mentakrif semula penyelidikan dan perkhidmatan daripada perspektif inovasi ilmu, inovasi teknologi dan inovasi sosial.

Dalam konteks inovasi ilmu, bagi

memperkasa dan mengekalkan kepemimpinan keserjanaan ahli akademik perlu menerbit dalam jurnal berimpak tinggi. Kualiti ilmu dikawal dan budaya perkongsian pemikiran aras tinggi disuburkan. Sumbangan intelek tidak seharusnya terhenti setakat berkongsi ilmu sesama pakar, sarjana perlu digalakkan untuk turut menyumbang pemikiran melalui penulisan bersifat pengaruhi dasar dan pendidikan awam.

Kunci kejayaan iltizam Khaled terletak kepada inovasi teknologi. IISJ seharusnya menjadi institusi pemikir berkaitan hala tuju pembangunan teknologi Johor. Teknologi yang perlu diterajui Johor untuk menjadi pemimpin transformasi, pendahulu perubahan sambil mengekalkan daya saing ekonomi. Pada hemat saya, sektor maritim dan sumber kelautan, teknologi hijau, pendidikan holistik, keselamatan makanan, kelestarian pelancongan adalah peluang yang boleh diterajui. Penyediaan dana penyelidikan berterusan untuk menghasilkan inovasi teknologi dalam semua sektor ini diperlukan.

Kunci kejayaan paling berstrategi bergantung kepada keupayaan IPT bergerak inovasi sosial. Kelemahan mengharungi perubahan atau merebut peluang minda pemain industri, komuniti dan pemimpin kerajaan itu sendiri. Berasaskan ilmu yang terkumpul, ahli akademik berupaya meneroka gagasan inovasi sosial ke arah komuniti berminda kelas pertama, peneraju perubahan dan membina pasukan yang bersedia menyahut cabaran serta persaingan global.

Johor mampu menjadi peneraju gagasan perubahan berteraskan ilmu untuk negara dan bangsa. Sebagai anak Johor, saya yakin dengan wawasan serta iltizam Khaled menggembelng komuniti ilmuwan menjayakan muafakat Johor. Inilah masa bagi warga universiti melalui IISJ membuktikan keupayaan dan kecemerlangan institusi istimewa ini.